

**APLIKASI KONSEP AMAR MAKRUF NAHI MUNGKAR  
TERHADAP PENDUDUK BANDAR MENURUT  
PEMIKIRAN TAN SRI DATO' SERI (DR.)  
HAJI HARUSSANI HAJI ZAKARIA**

***THE APPLICATION OF THE CONCEPT OF AMAR MAKRUF  
NAHI MUNGKAR TO URBAN RESIDENTS BASED ON THE  
THOUGHTS OF TAN SRI DATO' SERI (DR.)  
HAJI HARUSSANI HAJI ZAKARIA***

Nor Amalina Abd Rahman @ Sabri (Penulis Penghubung)  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin,  
20400 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.  
E-mel: [amalina.unisza@gmail.com](mailto:amalina.unisza@gmail.com)

Wan Hishamudin Wan Jusoh  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin,  
20400 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.  
E-mel: [whishamudin@unisza.edu.my](mailto:whishamudin@unisza.edu.my)

---

**Abstrak**

Amar makruf nahi mungkar (AMNM) merupakan suatu perintah wajib daripada Allah S.W.T. Maka setiap umat Islam perlu melaksanakannya tanpa mengira keberadaan mereka, sama ada di kawasan bandar mahupun perkampungan. Namun begitu, kesibukan meneruskan kelangsungan hidup menjadikan masyarakat semakin mengabaikan perintah wajib ini, terutamanya dalam kalangan penduduk bandar. Keadaan menjadi lebih buruk apabila umat Islam yang sepatutnya menjadi penegak kebenaran dan pencegah kemungkaran sebaliknya menjadi pelaku kemungkaran. Perkara sebegini mampu mengancam keselamatan penduduk bandar. Contoh bagi ancaman yang dimaksudkan di sini ialah jenayah. Apabila sesuatu jenayah itu berlaku, maka keselamatan penduduk semestinya akan tergugat. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengetengahkan pandangan Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Haji Zakaria mengenai pelaksanaan AMNM serta mengaplikasikannya dalam konteks penduduk bandar di Malaysia. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah dokumentasi bagi pengumpulan data dan kaedah analisis kandungan bagi menganalisis data. Hasil kajian ini berjaya meletakkan garis panduan bagi penduduk bandar di Malaysia. Garis panduan ini melibatkan pemerintah, pihak berkuasa, ulama dan orang awam. Keberhasilan penyediaan garis panduan ini seterusnya dapat dijadikan sebagai amalan oleh setiap lapisan penduduk bandar dalam melaksanakan AMNM yang berupaya menjamin keselamatan mereka.

**Kata Kunci:** amar makruf nahi mungkar, penduduk bandar, Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Haji Zakaria

### **Abstract**

*Amar makruf nahi munkar (AMNM) is an obligatory decree from Allah S.W.T. Therefore, regardless of whether they are in an urban or rural area, every Muslim is obligated to carry it out. Nevertheless, due to the hectic pace of existence, the number of people defying the obligatory decree has increased, particularly in urban areas. The issue worsens when Muslims, who are expected to preserve the truth and avert wrongdoing, on the contrary, become perpetrators of the wrongdoings. These incidents imperil the safety of individuals living in cities. As an example, criminality is one of the threats mentioned here. When a crime happens, the safety of the general population is unavoidably jeopardised. Hence, the purpose of this study highlighted Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Haji Zakaria's opinions on the implementation of AMNM and its application in the context of Malaysian urban area residents. This study was examined using documentation method for data collection and content analysis method to analyse the data. The findings of the study had effectively set guidelines for the people living in urban areas in Malaysia. The public, academics, authorities, and the government were all involved in the guidelines. The success of preparing these guidelines utilises as a practice for every tier of the population living in urban areas in adopting AMNM, which is able to guarantee their safety.*

**Keywords:** *amar makruf nahi mungkar; urban residents; Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Haji Zakaria*

---

### **Pendahuluan**

Prinsip Islam terbina teguh melalui segala yang datang daripada Allah S.W.T, bukan suatu perkara yang direka oleh akal manusia. Prinsip Islam disampaikan melalui al-Quran dan sunnah Rasulullah S.A.W. Antara prinsip yang menjadi pegangan dan amalan umat Islam ialah amar makruf nahi munkar (AMNM). AMNM ialah perintah Allah S.W.T yang mana secara khususnya adalah bagi menjaga kesejahteraan umat Islam dan semua manusia melalui pelaksanaan segala yang baik serta meninggalkan segala yang buruk menurut ajaran Islam.

Namun begitu, dalam keadaan dunia yang semakin mencabar, semua manusia termasuk yang beragama Islam itu sendiri lebih tertumpu kepada usaha mencari sumber pendapatan, terutamanya bagi yang berada di kawasan perbandaran. Kerancangan aktiviti bandar menjadikan penduduknya saling bersaing bagi meneruskan kehidupan sehingga mengakibatkan penduduk bandar leka dengan aktiviti perbandaran serta kurang berminat dalam melaksanakan AMNM. Maka umat Islam di kawasan bandar perlu diberi pendedahan berkenaan AMNM serta garis panduan yang jelas mengenai peranan masing-masing dalam menjayakan pelaksanaan perintah Allah S.W.T ini.

Oleh itu, kajian ini merupakan suatu usaha dalam menjelaskan konsep AMNM serta mengetengahkan pemikiran Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Haji Zakaria dalam menghuraikan peranan setiap lapisan masyarakat di bandar sebagai pelaksana AMNM. Kajian yang menggunakan kaedah kualitatif ini dilakukan dengan pengumpulan data melalui kaedah dokumentasi serta analisis data melalui kaedah analisis kandungan bagi menghasilkan dapatan kajian yang selari dengan matlamat kajian.

### **Sorotan Literatur**

Fokus kajian dapat dijelaskan melalui pembahagian tiga tema, iaitu konsep amar makruf nahi munkar (AMNM), penduduk bandar di Malaysia dan latar belakang Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji

Harussani Haji Zakaria. Fundamental kajian adalah berdasarkan kepada konsep AMNM. Skop kajian pula adalah mengenai penduduk bandar di Malaysia. Manakala garis panduan pelaksanaan AMNM yang selari dengan keadaan semasa penduduk bandar pula diekstrak daripada pemikiran Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Haji Zakaria.

### **Konsep Amar Makruf Nahi Mungkar**

Amar makruf nahi mungkar (AMNM) yang berasal daripada istilah Arab ini merupakan suatu perintah daripada Allah S.W.T. Amar bermaksud tuntutan dalam melakukan sesuatu perbuatan, makruf yang berasal daripada perkataan '*arafa* pula bermaksud segala bentuk kebaikan dari sudut syarak Islam (al-Bustānī, 2009). Nahi yang berasal daripada perkataan '*naha* bererti larangan kepada sesuatu perbuatan. Manakala mungkar yang berasal daripada perkataan '*nakara* bermakna segala yang bercanggah dengan hukum syarak (Ibn al-Manzūr, 1955). Maka dapat diketahui bahawa AMNM bermaksud suruhan agar semua manusia sentiasa menyeru kepada kebaikan serta mencegah segala bentuk kemungkaran berpandukan kepada syariat Islam.

Berdasarkan kepada makna AMNM ini juga dapat difahami dengan jelas mengenai hukum pelaksanaan perintah ini. Secara umumnya, AMNM ini wajib dilaksanakan oleh semua umat Islam. Manakala secara khususnya pula, pelaksanaan AMNM ini melibatkan dua jenis fardu, iaitu fardu ain dan fardu kifayah. Hukum ini dijelaskan secara terperinci melalui firman Allah S.W.T:

Maksudnya: Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada perkara yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian, ialah orang yang berjaya.

(Surah Āli 'Imrān, 3: 104)

Dalil al-Quran ini jelas menunjukkan bahawa hukum pelaksanaan AMNM ialah fardu ain. Namun, sekiranya sebahagian umat Islam seperti ulama telah melaksanakannya, maka hukum tersebut telah berubah menjadi fardu kifayah (al-Shawkānī, 1989). Oleh itu, dapat difahami bahawa hukum asal pelaksanaan AMNM bagi setiap umat Islam ialah fardu ain, tetapi hukum ini boleh berubah kepada fardu kifayah. Hal ini kerana sebahagian kemungkaran yang berlaku hanya boleh diatasi oleh pihak tertentu sahaja, misalnya kemungkaran yang memerlukan penelitian yang lebih mendalam seperti ajaran sesat. Kemungkaran sebegini hanya boleh diatasi oleh ulama yang berpengetahuan melalui pengeluaran fatwa serta pemerintah melalui penggunaan kuasa untuk penangkapan. Individu seperti orang awam pula perlu mencegah diri sendiri daripada mengikuti kemungkaran tersebut.

Maka dapat dinyatakan bahawa pelaksanaan AMNM ini tetap menjadi suatu kewajipan bagi setiap umat Islam, walaupun dibahagikan kepada fardu ain dan fardu kifayah, Justeru, setiap umat Islam perlu memainkan peranan dalam melaksanakan AMNM berdasarkan kemampuan masing-masing serta tidak hanya mengharap kepada individu lain untuk melaksanakannya. Kerjasama daripada setiap lapisan umat Islam akan mendorong kepada kejayaan pelaksanaan AMNM.

### **Penduduk Bandar di Malaysia**

Kawasan penumpuan orang ramai ialah kawasan bandar. Bandar yang turut dikenali dengan istilah urban mempunyai jumlah kepadatan penduduk yang tinggi berbanding kawasan lain (Wirth, 1938). Setiap negara di seluruh dunia ini semestinya mempunyai bandar-bandar yang tersendiri. Negara

Malaysia juga tidak terkecuali daripada proses perbandaran atau urbanisasi ini. Proses perbandaran merupakan suatu gerakan penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar bagi mendapatkan peluang kehidupan yang lebih baik, seperti peluang dalam pekerjaan dan juga peluang dalam meningkatkan taraf hidup (Zubairu, 2017).

Penduduk bandar di Malaysia menunjukkan peningkatan yang semakin tinggi saban tahun. Misalnya peningkatan penduduk di ibu negara Malaysia itu sendiri, iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL). Jumlah kepadatan penduduk bandar ini ialah sebanyak 8,235 orang per kilometer persegi pada tahun 2023 berbanding 8,080 orang per kilometer persegi pada tahun 2022 (Portal Rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia). Peningkatan ini dijangka akan berterusan pada masa akan datang. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat kini melihat kawasan bandar sebagai pusat segala aktiviti serta peluang untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Sebagaimana kawasan lain, bandar juga mempunyai sistem sosial yang terdiri daripada lapisan pemerintah, ulama, pihak berkuasa dan orang awam. Pemerintah merupakan golongan yang berkuasa dalam memerintah sesuatu kawasan. Manakala ulama bermaksud golongan yang arif berkenaan dengan ilmu Islam. Pihak berkuasa pula ialah golongan yang berautoriti dalam melaksanakan sesuatu mengikut jenis kekuasaan yang dimilikinya. Manakala orang awam ialah golongan rakyat biasa (Portal Rasmi Pusat Rujukan Persuratan Melayu). Keempat-empat lapisan masyarakat ini mempunyai peranan masing-masing dalam membangunkan serta merencanakan proses perbandaran, sama ada dari sudut politik, ekonomi mahupun sosial.

### **Latar Belakang dan Pemikiran Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Haji Zakaria**

Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Haji Zakaria merupakan sebuah nama yang tidak asing lagi di Malaysia, terutamanya dalam kalangan rakyat negeri Perak. Beliau merupakan seorang tokoh ternama yang berasal dari negeri Perak. Pendidikan agama secara rasmi yang diterima oleh beliau bermula dengan sekolah agama seawal usia enam tahun. Mempunyai latar belakang keluarga yang tegas perihal agama serta minat untuk mendalami ilmu agama menjadikan beliau tekun belajar sehingga menamatkan pelajaran dalam bidang agama di Kolej Islam Malaya (Harussani, 2018; Kamarudin & Nurul Athirah, 2022).

Setelah menamatkan pengajian, beliau memulakan kerjaya beliau sebagai seorang penterjemah di Kementerian Dalam Negeri. Seterusnya beliau menjadi kadi, kemudian kadi besar di Jabatan Agama Pulau Pinang serta pensyarah sambilan di Maktab Perguruan Persekutuan Gelugor dan di Sekolah Latihan Pergigian Pulau Pinang. Setelah berkhidmat dengan cemerlang, beliau dilantik sebagai Mufti Perak di Jabatan Agama Islam Perak bermula tahun 1985 hingga tahun 2021, iaitu sehingga beliau meninggal dunia (Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia; Kamarudin & Nurul Athirah, 2022).

Kejayaan demi kejayaan yang ditonjolkan dalam kerjaya menjadikan beliau sebagai individu yang dipercayai kerajaan negeri Perak. Manakala ketegasan berprinsip menjadikan beliau memiliki sifat-sifat ulama rabbani, iaitu ulama yang berilmu, mengamalkan ilmu yang dimiliki, ikhlas dalam setiap amalannya serta tegas menegakkan kebenaran Islam (Zulkifli, 2021). Justeru, dapat dinyatakan bahawa beliau merupakan seorang tokoh yang wajar dijadikan sebagai rujukan serta diteliti gaya pemikiran.

Antara teras pemikiran yang sering beliau tegaskan adalah mengenai akidah Islam. Islam menurut Perlembagaan Persekutuan menjurus kepada bangsa Melayu. Hal ini kerana bangsa

Melayu itu sinonim dengan agama Islam. Maka bangsa Melayu itu merupakan antara bangsa terpilih yang mewarisi al-Quran serta ajarannya. Namun begitu, ini tidak bermaksud bahawa umat Islam daripada kalangan bangsa lain itu dinafikan kepentingan mereka dalam membawa dan menjaga ajaran Islam (Kamarudin & Nurul Athirah, 2022).

Oleh itu, umat Islam daripada setiap lapisan masyarakat perlu bersatu-padu dan berkerjasama dalam mempraktikkan undang-undang dan gagasan negara berkaitan dengan agama Islam sebagaimana yang telah diperuntukkan di Malaysia. Misalnya lapisan ulama dan guru agama perlu mempunyai pengetahuan tentang keadaan semasa umat Islam agar dapat membanteras fahaman yang menyeleweng daripada ajaran Islam. Sekiranya terdapat salah satu lapisan masyarakat itu tidak berfungsi, maka akan berlaku akibat yang buruk kepada keseluruhan masyarakat. Misalnya berlakunya kucar-kacir dalam tindakan memperkasakan ajaran Islam apabila orang awam mula bertindak sendiri menangani kemungkaran setelah kurang mendapat perhatian pemerintah atau pihak berkuasa (Kamarudin & Nurul Athirah, 2022).

Secara tuntasnya, dapat dinyatakan bahawa Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Haji Zakaria merupakan individu yang berjasa dalam menjaga kesejahteraan umat Islam di Malaysia berikutan ketegasan beliau dalam menyatakan kebenaran. Pemikiran beliau mengenai kedudukan Islam di Malaysia serta kepentingan dan keperluan umat Islam dalam menjaga ajaran Islam di Malaysia perlu diketengahkan lagi dalam bentuk suatu pendekatan yang bersesuaian dengan keadaan semasa.

### **Penyataan Masalah**

Penghijrahan penduduk daripada kawasan luar bandar ke kawasan bandar merupakan suatu perkara yang telah menjadi kebiasaan pada ketika ini. Hal ini kerana bandar itu dilihat sebagai suatu tempat yang menyediakan peluang kehidupan yang lebih baik (Zubairu, 2017). Kepadatan penduduk berikutan penghijrahan ini menjadikan bandar itu berterusan hidup serta mencapai tahap yang lestari (Bibri et al., 2020).

Namun begitu, terdapat juga kesan negatif akibat daripada kepadatan penduduk yang tinggi, seperti jenayah, bencana dan pencemaran (Lai, 2019). Ketiga-tiga jenis ancaman perbandaran ini berlaku akibat daripada penduduk bandar itu sendiri. Ancaman sebegini berupaya meninggalkan kesan negatif kepada penduduk bandar, seperti kerosakan fizikal bandar, kehilangan nyawa, kerugian harta benda serta trauma psikologi (Chamindi Malalgoda et al., 2014; Moona et al., 2014; Faizah, 2015).

Oleh itu, bagi mengelakkan kesan negatif ini serta meningkatkan daya tahan bandar, sama ada dari sudut psikologi atau sosial, penduduk bandar itu sendiri perlu bertindak sebagai pelaksana amar makruf nahi mungkar (AMNM). Justeru, pemikiran Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Haji Zakaria dilihat sebagai suatu pendekatan yang bersesuaian untuk dijadikan sebagai asas bagi garis panduan pelaksanaan AMNM dalam kalangan penduduk bandar. Pelaksanaan AMNM yang teratur dengan berpandukan garis panduan tertentu akan menghasilkan kejayaan serta manfaat kepada masyarakat, khususnya penduduk bandar yang menjadi fokus kajian ini.

### **Objektif Kajian**

Mengetengahkan pemikiran Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Haji Zakaria dalam penerapan konsep amar makruf nahi mungkar terhadap penduduk bandar merupakan matlamat utama kajian

ini. Berdasarkan kepada matlamat ini, kajian ini meletakkan dua objektif untuk dicapai, iaitu menghuraikan pemikiran dan pandangan Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Haji Zakaria mengenai AMNM serta mengaplikasikan pemikiran tersebut dalam konteks penduduk bandar.

### **Metodologi Kajian**

Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah dokumentasi bagi pengumpulan data dan kaedah analisis kandungan bagi menganalisis data. Kaedah dokumentasi bagi kajian ini hanya melibatkan pencarian dan pengumpulan data daripada sumber sekunder, iaitu dokumen bercetak dan digital. Pengumpulan data ini diklasifikasikan kepada tiga tema, iaitu konsep amar makruf nahi mungkar (AMNM), penduduk bandar di Malaysia dan latar belakang Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Haji Zakaria. Manakala kaedah analisis kandungan yang digunakan bagi menganalisis data akan menghasilkan dapatan yang selari dengan matlamat dan objektif kajian.

### **Dapatan dan Perbincangan**

Peningkatan penduduk bandar menunjukkan bahawa bandar semakin menjadi tumpuan dalam meneruskan kelangsungan hidup. Kepadatan penduduk di bandar mampu menjadi suatu peluang dan juga ancaman bagi mereka. Namun begitu, perkara yang perlu diberi tumpuan dan diselesaikan ialah segala bentuk ancaman bagi penduduk bandar. Ancaman yang datang daripada penduduk bandar itu sendiri akan menjadi lebih efektif sekiranya ditangani oleh mereka.

Antara perintah Islam yang perlu dilaksanakan bagi menyelesaikan sesuatu permasalahan dalam kalangan masyarakat, termasuk penduduk bandar ialah pelaksanaan amar makruf nahi mungkar (AMNM). Setiap daripada penduduk bandar yang beragama Islam wajib melaksanakan AMNM mengikut peranan yang dimiliki oleh mereka.

Perkara sebegini yang ditekankan oleh Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Haji Zakaria, iaitu setiap individu itu perlu merasakan tanggungjawab dalam mencegah kemungkaran dan menegakkan Islam, atau dalam erti kata yang lain ialah melaksanakan AMNM. Pelaksanaan yang dilakukan hendaklah bersungguh demi kesejahteraan masyarakat. Sekiranya hanya sebahagian sahaja daripada kalangan masyarakat yang mengambil tindakan, sukar untuk membanteras kemungkaran yang berlaku serta sukar untuk menegakkan agama Islam (Kamarudin Salleh & Nurul Athirah Mohamad Anuar, 2022).

Maka teras pemikiran Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Haji Zakaria ini dapat diaplikasikan dalam konteks pelaksanaan AMNM penduduk bandar. Aplikasi ini dapat dilakukan dengan membahagikan peranan pelaksanaan AMNM kepada empat lapisan masyarakat, iaitu pemerintah, pihak berkuasa, ulama dan orang awam. Pemerintah merupakan individu yang berkuasa di sesuatu bandar, misalnya Datuk Bandar. Pihak berkuasa pula ialah institusi yang berautoriti dalam menguruskan bandar, misalnya Pihak Berkuasa Tempatan, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Agama Islam Negeri. Ulama pula terdiri daripada kalangan ilmuwan di bandar yang boleh menjadi tempat rujukan serta mendapatkan nasihat. Manakala orang awam pula ialah penduduk bandar yang biasa.

Pemerintah perlu mengukuhkan serta mempertahankan syariat Islam dan undang-undang yang berkaitan, walaupun dicabar oleh individu bukan Islam. Ini kerana Islam itu agama persekutuan dan individu bukan Islam tidak boleh mencampuri urusan agama Islam. Sekiranya terdapat akta atau undang-undang yang mempunyai jurang serta tidak memihak kepada pelaksanaan

AMNM secara optimum, maka pemerintah berkuasa untuk memindanya agar dapat mencegah kemungkaran yang berlaku serta menutup ruang bagi kemungkaran yang baharu.

Manakala pihak berkuasa pula hendaklah melaksanakan tugas sebagaimana gagasan dan undang-undang berkaitan Islam yang telah dikeluarkan. Pelaksanaan tersebut perlu dilakukan dengan amanah dan juga rasa tanggungjawab. Misalnya mengambil tindakan yang tegas terhadap pelaku kemungkaran, seperti memberi amaran, denda dan saman. Namun begitu, pihak berkuasa juga perlu memberi kesedaran kepada penduduk bandar agar menjauhi kemungkaran, misalnya dengan menjalankan aktiviti atau program yang bermanfaat dan memberi impak positif kepada mereka.

Ulama pula perlu mempersiapkan diri dengan ilmu yang mencukupi bagi menegakkan kebenaran dan menghadapi permasalahan kemungkaran. Pengetahuan mengenai keadaan semasa penduduk bandar juga perlu diketahui bagi memudahkan ulama untuk mencari kaedah yang bersesuaian untuk mendekati mereka atau memberi pandangan kepada pemerintah untuk menyelesaikan permasalahan atau kemungkaran yang berlaku.

Seterusnya orang awam pula perlu berusaha mematuhi syariat Islam serta undang-undang berkaitan agama Islam sebagaimana yang diperuntukkan dalam perlembagaan dan gagasan Malaysia. Ini bermaksud orang awam perlu taat kepada arahan pemerintah, patuhi garis panduan yang dikeluarkan pihak berkuasa serta mendengar nasihat ulama, selagi ketiga-tiga perkara tersebut tidak melanggar syariat Islam. Kerjasama yang daripada kalangan orang awam amat penting dalam menjayakan pelaksanaan AMNM kerana mereka merupakan majoriti penduduk di bandar. Justeru itu, dapat disimpulkan bahawa setiap individu yang tinggal di kawasan bandar perlu mempunyai tanggungjawab dalam melaksanakan AMNM mengikut peranan masing-masing. Peranan yang seharusnya dilaksanakan oleh setiap penduduk bandar ini diringkaskan dalam rajah yang berikut:



Rajah 1.0: Pelaksanaan AMNM dalam Kalangan Penduduk Bandar

Jelaslah bahawa kemungkaran yang dilakukan oleh manusia itu perlu diselesaikan oleh mereka juga agar tidak berhadapan dengan akibat yang lebih buruk. Pelaksanaan AMNM yang tegas dan menepati syariat Islam sebagaimana yang terkandung dalam pemikiran Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Haji Zakaria merupakan suatu tindakan yang sesuai diaplikasikan dalam konteks semasa penduduk bandar. Sekiranya setiap daripada kalangan penduduk bandar berusaha melaksanakan AMNM, maka kemungkaran atau permasalahan yang berlaku pasti dapat diatasi serta keamanan dan kesejahteraan pasti dapat dikecapi.

## Penutup

Secara kesimpulannya, amar makruf nahi mungkar (AMNM) merupakan suatu suruhan daripada Allah S.W.T yang sesuai bagi setiap keadaan, masa dan tempat. Walaupun sesebuah tempat seperti bandar itu mencapai kemajuan yang tertinggi, ini tidak bermaksud bahawa AMNM itu telah menjadi garis panduan yang lapuk untuk diikuti. Malah AMNM yang datang daripada pemikiran ulama ternama seperti Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Haji Zakaria dapat dijadikan sebagai panduan untuk pelaksanaan dalam konteks semasa bandar.

## Penghargaan

Artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian menggunakan dana Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) - FRGS/1/2019/SS06/UNISZA/02/03 (RR316). Terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) kerana memberi dana dan menyokong penghasilan artikel ini.

## Rujukan

Al-Quran al-Karim.

Al-Bustānī, B. (2009). *Muḥīṭ al-Muḥīṭ*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-Shawkānī, Muḥammad ibn ‘Alī ibn Muḥammad. (1989). *Fatḥ al-Qadīr al-Jāmi‘ bayn Fann al-Riwāyah wa al-Dirāyah min ‘Ilm al-Tafsīr*. Dār al-Ma‘rifah.

Bibri, S. E., Krogstie, J. & Karrholm, M. (2020). Compact city planning and development: Emerging practices and strategies for achieving the goals of sustainability. *Developments in Built Environment*, 4: 1-20. <https://doi.org/10.1016/j.dibe.2020.100021>.

Chamindi Malalgoda, Dilanthi Amaratunga & Richard Haigh. (2014). Challenges in creating a disaster resilient built environment'. *Procedia Economics and Finance*, 18, 736-744. [http://dx.doi.org/10.1016/S2212-5671\(14\)00997-6](http://dx.doi.org/10.1016/S2212-5671(14)00997-6).

Faizah, M. L. (2015). Ke arah pengurangan indeks jenayah jalanan di Pusat Bandar Kuala Lumpur. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space* 11(4), 97-107.

Harussani, Z. (2018). *Memoir Harussani Zakaria: Dia Akan Jadi Mufti*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ibn al-Manzūr, Muḥammad ibn Mukarram. (1955). *Lisān al-‘Arab*. Dār Ṣādir.

Kamarudin, S. & Nurul Athirah, M. A. (2022). Pemikiran Islam (Allahyarham) Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Bin Haji Zakaria'. *International Journal of Religion, Arts and Humanities*, 1, 99-116. <https://www.ukm.my/ijrah/wp-content/uploads/2022/12/Vol-1-Dec-2022-99-116-Kamarudin-Salleh-Pemikiran-Islam-Allahyarham-Tan-Sri-Dato-Seri-Dr.Haji-Harussani-Bin-Haji-Zakaria-latest.pdf>.



- Lai, S. A. (2019). Planning for city safety. *Journal of Urban Management*, 8(2), 179-181. <https://doi.org/10.1016/j.jum.2019.07.001>.
- Moona, T. H., Heoa, S. Y. & Lee, S. H. (2014). Ubiquitous Crime Prevention System (UCPS) for a safer city. *Procedia Environmental Sciences*, 22: 288-301. <http://dx.doi.org/10.1016/j.proenv.2014.11.028>.
- Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia. (n.d.). Diakses pada September 9, 2019 daripada [arkib.gov.my](http://arkib.gov.my).
- Portal Rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia. (n.d.). Diakses pada Ogos 30, 2023 daripada [dosm.gov.my](http://dosm.gov.my).
- Portal Rasmi Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka. (n.d.). Diakses pada September 7, 2023 daripada [prpm.dbp.gov.my](http://prpm.dbp.gov.my).
- Wirth, L. (1938). Urban as a way of life. *Chicago Journals*, 44(1), 1-24. <http://www.jstor.org/stable/2768119>.
- Zubairu, A. G. (2017). A comparative study of urban crime between Malaysia and Nigeria. *Journal of Urban Management*, 6, 19-29. <https://reader.elsevier.com/reader/sd/pii/S2226585617300274?token=B923D3CE32A9956B81B9E571A39C2C385423DF02C8E0E9201B0860E320FC1B17868A7C33F8DAE1E895B49A25821DED8C>.
- Zulkifli, M. B. (2021, Mei 31). Tan Sri Harussani yang Kukenali. *Sinar Harian*.